

**AirAsia Sambut Hari Asean Dengan Tambang Istimewa
Bernama
Ogos 06, 2011**

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- AirAsia akan menawarkan penerbangan ke destinasi-destinasi dalam Asean dan Malaysia pada kadar diskaun sempena sambutan Hari ASEAN pada 8 Ogos.

Ketua Bahagian Komersil Serantaunya, Kathleen Tan, berkata: "Dari kota metropolitan Singapura hinggalah ke kuil purba Borobudur, rantau Asean mempunyai begitu banyak destinasi menakjubkan bagi pelancong dan pengembara.

"Sebagai sebuah syarikat penerbangan Asean, tiada cara yang lebih baik bagi kami menyambut Hari ASEAN dan pada masa yang sama, menghadiahkan diskaun istimewa kepada penumpang-penumpang kami melalui rangkaian kami yang luas dalam rantau ini," katanya dalam kenyataan Sabtu.

AirAsia berkata tempoh tempahan ialah dari 8 hingga 14 Ogos, 2011, bagi tempoh perjalanan dari 3 Januari hingga 28 Februari, 2012.

Mereka yang berminat boleh melayari airasia.com atau mobile.airasia.com untuk maklumat lanjut.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=606416>